

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(IV)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB. ONG AH TEONG**

6. Adakah Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk memperolehi pengiktirafan oleh UNESCO di bawah label Bandar Kreatif (*City Of Gastronomy*)?
  - (a) Nyatakan agensi dan pelan tindakan yang dirancang untuk pengiktirafan tersebut.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

6. Rangkaian Bandar Raya Kreatif UNESCO diwujudkan sejak tahun 2004 yang menyerlahkan kreativiti anggotanya dalam tujuh bidang iaitu dalam bidang kraftangan dan seni rakyat, reka bentuk, filem, gastronomi, sastera, seni media dan muzik.

Pulau Pinang sememangnya mempunyai ciri-ciri untuk mendapat pengiktirafan oleh UNESCO di bawah label Bandar Kreatif (*City of Gastronomy*). Ini kerana, Pulau Pinang dikenali dengan jolokan ‘syurga makanan’ disebabkan keunikan, keaslian dan variasi makanan yang terdapat di sini. Industri pelancongan makanan kini menjadi antara daya tarikan utama kemasukan pelancong sama ada dari dalam maupun luar negara ke Pulau Pinang. Kebanyakan pelancong yang datang ke sini bukan sahaja mahu melihat keindahan Pulau Pinang malah untuk menikmati keaslian makanan Pulau Pinang.

Buat masa kini, Kerajaan Negeri belum berhasrat untuk memperolehi pengiktirafan UNESCO di bawah label Bandar Kreatif (*City of Gastronomy*). Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan mengkaji ciri-ciri Bandar Kreatif yang boleh diimplementasikan dalam usaha untuk memupuk inovasi dan kreativiti sebagai pemacu utama ke arah pembangunan bandar yang lebih mampan dan inklusif. Pulau Pinang bertekad untuk membangun dan saling bertukar amalan inovatif terbaik untuk mempromosi industri kreatif, memperkuuh penyertaan dalam kehidupan berbudaya dan mengintegrasikan kebudayaan ke dalam polisi pembangunan bandar lestari melalui pengiktirafan tersebut.